

**\*Maklumat Mandatori**

*Jenis Permohonan (pilih satu) <input type="checkbox"/> Baru <input type="checkbox"/> Pembaharuan - Nombor Jaminan Bank : _____	
<b>1. BUTIRAN PEMOHON</b> a) *Nama Syarikat <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> b) i) *Nombor Pendaftaran <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> ii) *Nombor Pendaftaran SSM Baru <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> c) *Alamat Berdaftar <input style="width:100%; height: 40px;" type="text"/> d) Alamat Perniagaan <input style="width:100%; height: 40px;" type="text"/> <small>(Jangan gunakan peti surat)</small> e) Alamat Surat-Menyurat <input style="width:100%; height: 40px;" type="text"/> <small>(jika lain dari Alamat Perniagaan)</small> f) *Nombor Telefon <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> g) *Orang untuk dihubungi <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> h) Terpakai bagi permohonan <b>BARU</b> sahaja (sila abaikan bagi Pembaharuan) i) Jualan Tahunan (RM) <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> ii) Bilangan Pekerja <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> iii) Konstitusi <input type="checkbox"/> Pemilikan Tunggal <input type="checkbox"/> Perkongsian <input type="checkbox"/> Sdn Bhd iv) Jenis Perniagaan <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/>	<b>2. BUTIRAN BENEFIISIARI</b> a) *Nama Penuh Benefisiari <input type="checkbox"/> Pesuruhjaya Buruh <input type="checkbox"/> Jabatan Bekalan Air <input type="checkbox"/> Jabatan Imigresen Malaysia <input type="checkbox"/> Jabatan Kastam Dan Eksais Diraja Malaysia <input type="checkbox"/> Telekom Malaysia Berhad <input type="checkbox"/> Tenaga Nasional Berhad <input type="checkbox"/> Sabah Electricity Sdn Bhd <input type="checkbox"/> Sarawak Energy Berhad <input type="checkbox"/> Lain-lain (sila nyatakan) : _____ <input style="width:100%; height: 60px;" type="text"/> b) *Alamat Benefisiari <input style="width:100%; height: 40px;" type="text"/> c) Nombor Telefon Benefisiari <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/>
<b>3. BUTIRAN JAMINAN BANK</b> a) *Jumlah & Tempoh Sah i) Jumlah (RM) <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> ii) Tarikh Berkuatkuasa(hh/bb/tttt) <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> iii) Tarikh Luput (hh/bb/tttt) <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> iv) Tempoh Tuntutan (hari) <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> b) *Tujuan Jaminan Bank (Sila tanda SATU kotak sahaja) <input type="checkbox"/> Bon Kastam <input type="checkbox"/> Bon Pelaksanaan <input type="checkbox"/> Bon Deposit Sekuriti <input type="checkbox"/> Bon Tender <input type="checkbox"/> Bon Bayaran c) *Format Jaminan Bank <input type="checkbox"/> Guna format standard Bank <input type="checkbox"/> Guna format yang dilampirkan (tertakluk kepada kelulusan Bank) d) *Cara Penghantaran <input type="checkbox"/> Hantar kepada Alamat Surat-Menyurat Pemohon seperti diatas <input type="checkbox"/> Hantar kepada Alamat Surat-Menyurat Pemohon seperti diatas Kepada : <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> Nombor telefon : <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> <input type="checkbox"/> Diambil sendiri di Cawangan : <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> Nama Pengambil : <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/> No. KP Pengambil: <input style="width:100%; height: 20px;" type="text"/>	

**4. BAYARAN BANK & JENIS SEKURITI****a) \*Arahan atas Bayaran Bank :**

Nombor Akaun :

Sila debit nombor akaun OCBC Bank (Malaysia) Berhad (OCBC)/OCBC Al-Amin Bank Berhad (OCBC Al-Amin) saya/kami seperti di atas untuk caj, cukai, duti, yuran dan sebarang bayaran (secara kolektif, "Caj") yang berkaitan dengan permohonan ini. Ia adalah tanggungjawab saya/kami untuk memastikan bahawa Akaun tersebut akan mempunyai amaun yang mencukupi dan tidak terhalang untuk pendebitan caj. OCBC dan OCBC Al-Amin tidak akan mempunyai sebarang liabiliti kepada saya/kami atau mana-mana pihak, dan saya/kami secara sepakat bersetuju untuk menanggung kerugian OCBC dan OCBC Al-Amin terhadap segala permintaan, tuntutan, liabiliti, kerugian, kos dan perbelanjaan (secara langsung atau tidak langsung) berkaitan dengan pendebitan caj termasuk untuk sebarang pemulangan cek. Kami berjanji untuk membayar jumlah tersebut kepada OCBC dan OCBC Al-Amin dengan segera apabila diminta. Saya/kami bersetuju bahawa OCBC dan OCBC Al-Amin perlu berkongsi maklumat yang berkaitan dengan fasiliti dan akaun saya/kami untuk mengesahkan pendebitan dan pembayaran caj.

**b) Jenis sekuriti (Untuk permohonan BARU sahaja - Tidak terpakai bagi Pembaharuan)**

Setelah Jaminan Bank dikeluarkan, sila tanda/ cagar akaun saya/kami seperti di bawah bagi jumlah yang layak dengan permohonan Jaminan Bank ini:

No. Akaun Semasa/Simpanan Tetap :

untuk  Ditanda/  Dicagar #

bagi kemudahan ini.

Nama Pendeposit<sup>^</sup> :

# Jika sekuriti adalah cagaran kepada Bank, sila lampirkan borang "Specimen With Charge" (sebelum ini dikenali sebagai Borang 34) yang lengkap bersama dengan permohonan ini.

<sup>^</sup> Jika Pendeposit atau pasangannya adalah warganegara China, Myanmar, Indonesia, Thailand, Italy, Netherlands, Germany atau Vietnam, sila dapatkan kebenaran pasangan daripada pasangan Pendeposit dalam format Bank.

**5. PENGAKUAN: PEMUNYA BENEFISIAL**

Saya/Kami mengakui dan mengesahkan bahawa individu-individu berikut akhirnya akan atau telah memiliki kawalan yang berkesan ke atas Entiti ("Pemilik Benefisial"). Saya/Kami mengakui dan mengesahkan bahawa pihak Bank berhak untuk bergantung kepada pengakuan saya/kami di bawah mengenai identiti dan maklumat.

**Butir-Butir Pemunya Benefisial**

No.	Nama	Alamat	No. K/P/Pasport & Negara Pengeluar (sila memberi salinan yang diperakui sah IC/Pasport)	Tarikh Lahir	Warganegara
1			No. K/P Baru:  No. K/P Lama:		
2			No. K/P Baru:  No. K/P Lama:		
3			No. K/P Baru:  No. K/P Lama:		

Untuk tujuan menentukan pemilik benefisial sebuah entiti korporat:-

(a) "pemegang saham" adalah orang sebenar yang akhirnya dan berkesan memiliki atau mengawal sebuah entiti yang sah melalui pemilikan atau kawalan 25% atau lebih syer atau hak mengundi dalam entiti undang-undang termasuk melalui pegangan saham pembawa secara langsung atau tidak langsung; atau

(b) orang sebenar yang selain menjalankan kawalan ke atas pengurusan sesuatu entiti undang-undang.

**6. PENGAKUAN - Sila tanda kotak yang berkenaan****a) \*Untuk Pelanggan sedia ada**

Saya/Kami adalah pelanggan OCBC BANK (M) BERHAD ("OCBC" atau "Bank") yang sedia ada dan tidak ada perubahan pada M&A/Perlembagaan saya/kami dan Borang 24 / Penyata Peruntukan Saham dan Borang 49 / Perubahan Pengarah, Pengurus dan Setiausaha (untuk syarikat sahaja), Borang B (untuk pemilikan tunggal / perkongsian sahaja), perkongsian (untuk perkongsian liabiliti terhad), DAN kepada individu yang akhirnya memiliki atau mempunyai kawalan efektif terhadap Entiti ("Pemilik Benefisiari").

Saya/Kami adalah pelanggan OCBC BANK (M) BERHAD ("OCBC" atau "Bank") yang sedia ada dan terdapat perubahan pada M&A/Perlembagaan saya dan Borang 24 / Penyata Pengagihan Saham dan Borang 49/Perubahan Pengarah, Pengurus dan Setiausaha (untuk syarikat sahaja), Borang B (hanya untuk pemilikan tunggal / perkongsian sahaja), perkongsian (untuk perkongsian liabiliti terhad), DAN kepada individu yang akhirnya memiliki atau mempunyai kawalan efektif terhadap Entiti ("Pemilik Benefisiari"), salinan dokumen terkini adalah dilampirkan.

**b) \*Maklumat Bagi Pelanggan**

Sebagai pelanggan OCBC Bank (M) Bhd, saya/kami mengizinkan pendedahan nama dan maklumat perhubungan saya/kami (tidak termasuk maklumat akaun saya/kami) dan maklumat peribadi lain kepada pihak Bank untuk pemasaran produk/perkhidmatan yang diedarkan oleh Bank yang mungkin saya/kami sukai. Saya/Kami telah dimaklumkan bahawa saya/kami boleh pada bila-bila masa menarik balik keizinan tersebut.

Sebagai pelanggan OCBC Bank (M) Bhd, saya/kami tidak mengizinkan pendedahan nama dan maklumat perhubungan saya/kami dan maklumat peribadi lain kepada pihak Bank untuk pemasaran produk/perkhidmatan yang diedarkan oleh Bank.

**7. PENANDATANGAN SAH UNTUK PEMOHON DAN PENDEPOSIT**

Saya/kami dengan ini bersetuju untuk mematuhi dan terikat dengan terma dan akuan di dalam Borang Permohonan ini, Terma & Syarat Yang Mengawal Kemudahan Jaminan Bank Sandaran Tunai dan Akaun dan Servis –Terma dan Syarat Utama (dimana salinan akan disediakan atas permintaan).

**Tandatangan Pemohon**

**Tandatangan Pemohon**

\_\_\_\_\_  
Nama :

\_\_\_\_\_  
Nama :

No. KP :

No. KP :

Tarikh :

Tarikh :

**Tandatangan Saksi**

**Tandatangan Saksi**

\_\_\_\_\_  
Nama :

\_\_\_\_\_  
Nama :

No. KP :

No. KP :

Tarikh :

Tarikh :

**Tandatangan Pendeposit - Hanya terpakai sekiranya Pendeposit Akaun Simpanan Tetap bukan Pemohon**

\_\_\_\_\_  
Nama :

No. KP :

Tarikh :

**Tandatangan Saksi**

\_\_\_\_\_  
Nama :

No. KP :

Tarikh :

**Untuk Kegunaan Bank Sahaja**

Nombor AA.:

Nombor Resit Deposit Tetap:

Liabiliti Kontingen Sedia Ada :

Pendedahan kepada kumpulan Pelanggan	Bercagaran	Tanpa Bercagaran	Jumlah
Pelanggan			
Lain-lain			
Jumlah			

Dicadangkan oleh	Dipersetujui oleh	Diluluskan oleh

Nama

Nama :

Nama :

Jawatan :

Jawatan :

Tarikh :

Tarikh

Tarikh :

## TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL KEMUDAHAN JAMINAN BANK SANDARAN TUNAI

1. Kemudahan Jaminan Bank Sandaran Tunai ("Kemudahan CBG") akan disediakan oleh kepada Pemohon (Pemohon-pemohon) tertakluk kepada pelaksanaan oleh Pemohon (Pemohon-pemohon) dan/atau Pendeposit (Pendeposit-pendeposit) (keseluruhannya, "Pemegang Akaun") untuk menanda dan/atau mencagar ("Cagaran"), seperti yang diperlukan oleh Bank, ke atas baki kredit akaun ("Akaun" dan istilah "Akaun" di dalam pelaburan berstruktur merujuk kepada amaun pelaburan, nombor kontrak atau lain-lain nombor rujukan yang merujuk kepada pelaburan) Pemegang Akaun dengan Bank. Kesemua jumlah di dalam Akaun tersebut secara keseluruhannya akan dirujuk sebagai "Baki Kredit" di mana ungkapan sekuriti termasuk lain-lain jumlah atau jumlah-jumlah atau pelaburan-pelaburan di dalam pelbagai matawang yang dari masa ke masa didepositkan, dilaburkan, ditempatkan atau akan ditempatkan oleh Pemegang Akaun dengan Bank di dalam Akaun tersebut atau di dalam mana-mana akaun dan hendaklah termasuk hasil penerimaan dari pelaburan yang telah matang atau ditamatkan awal, dilaburkan semula ke dalam pelaburan atau didepositkan ke dalam deposit tetap atau akaun simpanan atau pelbagai jenis akaun yang lain secara tambahan, pembaharuan, pertukaran atau pelaburan semula, bersama dengan semua faedah, pulangan, hasil atau pelbagai perolehan terakru dari masa ke masa yang berkaitan dengan kesemua jumlah tersebut.

Jika Pemegang Akaun atau pasangannya adalah warganegara China, Myanmar, Indonesia, Thailand, Italy, Netherlands, Germany atau Vietnam, Pemohon dan Pemegang Akaun hendaklah mendapatkan surat kebenaran daripada pasangan Pemegang Akaun yang bersetuju dengan perjanjian Pemegang Akaun untuk memperuntukkan atau mencagar Baki Kredit dalam Akaun untuk Liabiliti BG (seperti yang didefinisikan di bawah) dan melaksanakan kewajipan yang ditetapkan di sini dan dalam mana-mana dokumen yang berkaitan, dalam bentuk dan bahan yang ditetapkan oleh pihak Bank.

2. Baki Kredit di bawah Akaun tersebut akan ditanda untuk liabiliti atau liabiliti kontingen Bank di bawah Jaminan Bank (rujukan terhadap "Jaminan Bank" di sini termasuk semua pembaharuan jaminan bank yang dikeluarkan di bawahnya) dan lain-lain caj, komisen, duti setem, yuran dan gantirugi yang tertunggak ("Liabiliti BG") dan Pemegang Akaun dengan ini memberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk menanda dan membuat penahanan ke atas Akaun tersebut untuk Liabiliti BG. Sekiranya terdapat tuntutan ke atas Jaminan Bank oleh baki kredit, Bank diberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik untuk menolak sebarang tuntutan benefisiari terhadap Akaun tersebut.

3. Sekiranya Bank memerlukan Cagaran, Pemegang Akaun dengan ini memberi persetujuan yang tidak boleh ditarik balik untuk mencagarkan Baki Kredit kepada Bank dengan cara cagaran tetap pertama :-

(i) sebagai sekuriti untuk Liabiliti BG dan untuk pelaksanaan kewajipan Pemegang Akaun menurut terma dan syarat berkaitan dengan apa-apa Jaminan Bank yang dikeluarkan dibawah ini; dan

(ii) sebagai sekuriti berterusan untuk semua jumlah terhutang oleh Pemilik Akaun kepada Bank di atas Kemudahan CBG atau lain-lain akaun yang dibuka dengan Bank meskipun apa-apa bayaran pertengahan atau pelunasan akaun untuk bayaran apa-apa jumlah terhutang dan tanpa prejudis kepada mana-mana sekuriti yang boleh didapatkan sekarang atau selanjutnya.

4. Tertakluk kepada peruntukan yang terkandung di sini dan di dalam Borang Permohonan, Pemegang Akaun boleh meminta pengeluaran Jaminan Bank dibuat kepada mana-mana pihak yang diterima oleh Bank sebagai benefisiari dengan menghantar kepada Bank Borang Permohonan ini, yang telah dilengkapi dan ditandatangani, dan permintaan pengeluaran tersebut adalah, terhadap Pemegang Akaun, tidak boleh ditarik balik apabila telah dihantar kepada Bank. Setiap permintaan pengeluaran hendaklah disertakan dengan kontrak atau dokumen yang relevan dengan permintaan pengeluaran seperti yang boleh dipinta oleh Bank pada budi bicaranya dari masa ke masa.

4a. Apabila tarikh kuatkuasa Jaminan Bank perlu diundur, Pemegang Akaun dengan ini mengesahkan bahawa tidak ada liabiliti-liabiliti yang tertunggak semasa tempoh tarikh undur. Sekiranya permintaan dibuat untuk tempoh tarikh undur, Pemegang Akaun memberi kuasa yang tidak boleh terbatal kepada Bank untuk mendebit Akaun bagi bayaran (dan bayaran yang berkaitan) ke atas permintaan tersebut. Sekiranya jumlah Akaun tidak mencukupi atas sebarang alasan, Pemegang Akaun perlu segera membayar sebarang kekurangan kepada Bank.

5. Akaun tersebut mestilah di atas nama Pemegang Akaun sebelum Jaminan Bank dikeluarkan. Pemegang Akaun dengan ini memberi kenyataan dan jaminan bahawa Pemegang Akaun adalah pemilik tunggal dan benefisiari Akaun tersebut dan bebas dari apa-apa gadai janji, pengaturan sekuriti atau kepentingan sekuriti pelbagai jenis. Pemegang Akaun tidak akan :

(i) mengeluarkan, membuat pindah serahhak atau membuat amanah sehubungan dengan Akaun tersebut atau sebaliknya menandatangani apa-apa perjanjian dengan mana-mana pihak di mana keseluruhan atau sebahagian daripada Akaun tersebut atau apa-apa hak atau kelayakan daripadanya akan terjejas dalam apa cara sekalipun;

(ii) membuat, cuba untuk membuat atau membenarkan gadai janji, pengaturan sekuriti atau kepentingan sekuriti ke atas Akaun tersebut atau sebahagian daripadanya. Faedah atau keuntungan atau apa-apa bayaran yang diperolehi dengan apa cara sekalipun daripadanya atau terakru sehubungan dengan Akaun hendaklah tidak dikeluarkan dan hendaklah ditambah dan menjadi sebahagian daripada jumlah prinsipal Akaun tersebut.

6. Pemegang Akaun memberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank, di mana berkenaan, untuk memperbaharui dan terus memperbaharui dari masa ke masa dan mengekalkan Akaun tersebut atau sebahagian daripadanya pada tarikh matang atau tempoh yang bersetuju dengan tempoh tetap atau untuk tempoh tertentu dan pada kadar faedah tertentu dengan lain-lain liabiliti oleh Bank pada budi bicaranya untuk selama tempoh Kemudahan CBG tersedia untuk Pemegang Akaun dan sehingga pelunasan penuh dan terakhir untuk semua amaun terhutang termasuk faedah dan faedah keingkar pada kadar tertentu dan pada tempoh pengiraan baki tertentu yang boleh dikenakan atau dinyatakan dari masa ke masa sehubungan dengan apa-apa Jaminan Bank yang dikeluarkan di bawah ini.

7. Pemegang Akaun dengan ini memberi kuasa yang tidak boleh ditarik balik kepada Bank untuk mendebit Akaun tersebut sehingga Baki Kredit dan menggunakan amaun tersebut terhadap pelunasan Liabiliti BG pada bila-bila masa Liabiliti BG menjadi matang atau tempoh yang bersetuju dengan tempoh tetap atau tempoh tertentu dan pada bila-bila masa untuk menolak sebarang liabiliti lain-lain liabiliti Pemegang Akaun seperti yang dinyatakan di dalam terma dan syarat sebagai tambahan kepada hak untuk menolak sebarang liabiliti lain-lain liabiliti lain atau hak serupa di bawah undang-undang dan/atau ekuiti.

8. Pemegang Akaun dengan ini memberi persetujuan dan pengesahan yang tidak boleh ditarik balik bahawa klausa 3 di atas, penahanan atau Cagaran ke atas Akaun tersebut hanya akan disingkirkan atau dilepaskan setelah mana-mana yang berikut telah dipenuhi :-

(i) sekiranya penamatan awal, Bank dilepaskan secara formal (pada cara dan dalam bentuk dan kandungan yang boleh diterima oleh Bank) daripada kesemua liabiliti dan kewajipan di bawah Jaminan Bank tersebut; atau

(ii) selepas 30 hari dari tarikh luput atau tempoh tuntutan Jaminan Bank.

9. Pemegang Akaun hendaklah menjamin Bank dan melindungi Bank daripada sebarang kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan, undang-undang atau sebaliknya (termasuk tetapi tidak terhad kepada semua kos perundangan yang dibayar oleh Bank atas dasar peguam dan klien sendiri) yang mana boleh dialami, dideritai atau ditanggung oleh Bank yang diakibatkan oleh kelewatan dalam membuat apa-apa jumlah bayaran sehubungan dengan Jaminan Bank yang dikeluarkan di bawah ini, Baki Kredit atau Liabiliti BG atau sebahagian daripadanya atau atas dasar tidak prihatin atau tidak memenuhi semua atau sebahagian daripada kewajipan atau liabiliti Pemegang Akaun kepada Bank. Pengesahan dari Bank ke atas amaun kerugian, ganti rugi dan perbelanjaan di bawah ini adalah muktamad dan mengikat ke atas Pemegang Akaun kecuali atas kesilapan yang ketara.

10. Pemegang Akaun hendaklah membayar komisen kepada Bank untuk setiap Jaminan Bank yang dikeluarkan oleh Bank sebaik sahaja Jaminan Bank dikeluarkan atau dalam tempoh lain yang diminta Pemohon yang dibenarkan oleh Bank pada budi bicaranya.

11. Sebarang Jaminan Bank yang akan dikeluarkan oleh Bank di atas permintaan Pemohon adalah dalam bentuk dan kandungannya dan mengandungi terma dan tempoh yang boleh dipersetujui oleh Bank pada budi bicaranya. Bank berhak untuk tidak mengeluarkan sebarang Jaminan Bank di mana bentuk dan kandungannya tidak dapat diterima.

12. Bank hendaklah berusaha dengan kadar segera untuk memberitahu Pemohon atas apa-apa notis atau permintaan untuk bayaran yang diserahkan oleh benefisiari di bawah sebarang Jaminan Bank di bawah ini TERTAKLUK SENTIASA sebarang kegagalan atau kelewatan Bank dalam memberi notis kepada Pemohon tidak akan mengecualikan Pemegang Akaun daripada kewajipan untuk membayar ganti rugi dan membayar balik Bank atau membayar faedah.

13. Pemegang Akaun bersetuju bahawa Pemegang Akaun akan terus bertanggungjawab kepada Bank ke atas apa-apa Jaminan Bank yang dikeluarkan di bawah ini sehingga Bank melepaskan dari liabiliti oleh benefisiari Jaminan Bank tersebut atau, dalam keadaan mana-mana Jaminan Bank yang dikeluarkan di bawah ini dikuatkuasakan, sehingga Pemegang Akaun telah membayar kesemua amaun secara penuh, yang mana kemudian.

14. Pemegang Akaun mengaku dan bersetuju bahawa tanggungjawab Bank di bawah Jaminan Bank yang dikeluarkan di bawah ini adalah mutlak dan tidak bersyarat dan memerlukan pembayaran kepada benefisiari Jaminan Bank tersebut sebaik sahaja permintaan bertulis pertama meskipun terdapat bantahan dari Pemegang Akaun. Bank sentiasa berhak untuk membuat pembayaran di bawah Jaminan Bank sebaik sahaja permintaan daripada benefisiari tanpa perlu membuat siasatan atau pertanyaan dan tidak perlu melibatkan diri dengan kewajaran ke atas sebarang tuntutan yang dibuat atau di dalam perkara yang diperlukan di bawah Jaminan Bank. Pemegang Akaun dengan ini mengaku dan mengesahkan bahawa Pemegang Akaun tidak berhak sama ada di bawah undang-undang dan/atau ekuiti untuk memberhentikan atau meminta Bank untuk menahan sebarang bayaran yang akan dibuat oleh Bank di bawah Jaminan Bank yang dikeluarkan di bawah ini. Oleh yang demikian, Bank berhak untuk dibayar balik dan dibayar ganti rugi oleh Pemegang Akaun dan ia tidak menjadi pertahanan kepada sebarang permintaan yang dibuat oleh Bank ke atas Pemegang Akaun di mana Pemegang Akaun atau Bank telah atau mungkin telah dibenarkan dalam menafikan bayaran penuh atau sebahagian daripada amaun yang dituntut oleh benefisiari.

15. Tertakluk kepada tiada kemungkiran terhadap apa-apa terma dan syarat yang terkandung di sini dan tiada berlakunya peristiwa keingkar, atas permintaan Pemohon, Jaminan Bank akan diperbaharui dan tarikh luput dilanjutkan pada budi bicara Bank sekiranya permohonan pembaharuan dibuat tidak melebihi tiga (3) hari bekerja sebelum tarikh luput Jaminan Bank tersebut. Pembaharuan dan lanjutan Jaminan Bank tersebut akan dibuat untuk suatu tempoh masa dan setelah terma dan syarat yang boleh ditentukan oleh Bank pada budi bicaranya termasuk bayaran ke atas komisen untuk pembaharuan tersebut pada kadar yang dinyatakan oleh Bank.

16. Tanpa prasangka kepada hak Bank untuk meminta bayaran segera ke atas semua amaun tertunggak (sama ada sebenar atau kontingen) di bawah Kemudahan CBG ini, kesemua amaun tertunggak (sama ada sebenar atau kontingen) akan serta merta jatuh tempoh dan hendaklah dibayar kepada Bank dan Bank berhak untuk mendebit Akaun tersebut untuk Liabiliti BG sekiranya :-

(i) terdapat sebarang kemungkiran terhadap apa-apa terma dan syarat Kemudahan CBG;

(ii) terdapat sebarang tindakan yang telah diambil atau peristiwa yang telah berlaku yang akan menyebabkan pengumuman petyisen penggulungan terhadap mana-mana Pemegang Akaun atau sekiranya mana-mana Pemegang Akaun meninggal dunia atau menjalani hukuman tahanan atau menjadi tidak siaman atau disyitarkan bankrap atau apa-apa prosiding undang-undang saman atau tindakan apa cara sekalipun (sama ada jenayah atau sivil) telah diambil ke atas mana-mana Pemegang Akaun;

(iii) sebarang perubahan di dalam undang-undang atau peraturan yang berkaitan yang menyebabkan menjadi mustahil atau melanggar undang-undang terhadap Bank atau mana-mana Pemegang Akaun untuk meneruskan dengan Kemudahan CBG ini atau menyediakan Akaun tersebut sebagai cagaran;

(iv) sekiranya mana-mana Pemegang Akaun melakukan sebarang tindakan meingkari ke atas mana-mana pembiayaan dengan Bank atau mana-mana institusi kewangan yang menyebabkan pemegang tanggungjawab berkenaan berhak untuk mempercepatkan bayaran atau menarik balik pendahuluan;

(v) sebarang penghakiman dijatuhkan terhadap mana-mana Pemegang Akaun yang masih belum diselesaikan dalam tempoh tujuh (7) hari atau sekiranya penahanan distres atau lain-lain pelaksanaan dikenakan atau dikuatkuasakan atau dikeluarkan ke atas mana-mana Pemegang Akaun atau terhadap mana-mana hartanah Pemegang Akaun atau Akaun masih belum dilepaskan dalam tempoh empat belas (14) hari; atau

(vi) untuk sebarang sebab yang pada pertimbangan Bank, pada budi bicaranya, bahawa ada sebab tindakan mana-mana Pemegang Akaun atau apa-apa peristiwa yang telah berlaku dan keupayaan mana-mana Pemegang Akaun untuk membayar kewajipan Pemegang Akaun di bawah Liabiliti BG atau membayar kepada Bank untuk apa-apa amaun terhutang daripadanya yang mungkin terjejas.

17. Kesemua wang yang diterima oleh Bank sehubungan dengan Kemudahan CBG boleh disimpan untuk dikreditkan ke akaun tergantung tanpa faedah untuk suatu tempoh yang dianggap sesuai oleh Bank tanpa ada kewajipan pada masa yang sama untuk menggunakan wang tersebut untuk penyelesaian apa-apa liabiliti yang sudah sampai tempoh oleh mana-mana Pemegang Akaun dengan Bank.

18. Tiada jaminan, sekuriti atau bayaran yang dapat dielakkan di bawah undang-undang yang berkaitan dengan kebangkrutan dan tiada pelepasan, penyelesaian dan pelepasan diberikan atau dibuat oleh Bank atas dasar percaya terhadap jaminan, sekuriti atau bayaran akan merugikan atau menjejaskan hak Bank untuk pulih dari mana-mana Pemegang Akaun yang telah ditinditi atau dicagar untuk kesemua takat di bawah ini atau apa-apa dokumen sekuriti. Sebarang pelepasan, penyelesaian atau pelepasan boleh dianggap telah dibuat tertakluk kepada syarat bahawa ia akan menjadi terbatal sekiranya sebarang bayaran atau sekuriti yang mana sebelum ini telah terima oleh Bank atau akan terima daripada mana-mana individu sehubungan dengan wang yang ditinditi atau dicagar di bawah dokumen sekuriti yang lain diketepikan di bawah undang-undang yang berkaitan atau dibuktikan atas apa-apa sebab sebagai tidak sah.

19. Komisen akan dicaj ke atas amaun seperti yang dinyatakan di dalam Jaminan Bank untuk sepanjang tempoh liabiliti termasuk tempoh tuntutan (jika ada) pada kadar 0.1% sebulan, tertakluk kepada jumlah minimum sebanyak RM100.00. Tiada pemulangan akan dibuat untuk komisen setelah berlakunya pembatalan awal atau pelepasan atau pemulangan pramatang untuk sebarang Jaminan Bank.

20. Tiada apa yang terkandung di sini boleh dianggap mempertanggungjawabkan Bank sebarang kewajipan dari segi undang-undang atau dalam ekuiti untuk menyediakan atau berterusan menyediakan Kemudahan CBG.

21. Semua bayaran yang akan di buat oleh mana-mana Pemegang Akaun kepada Bank sehubungan dengan Kemudahan CBG hendaklah dibuat secara penuh tanpa ada tolak selesai atau tuntutan balas dan bebas dan jelas dari dan tiada pemotongan ke atas cukai, levi, pungutan, duti, caj, yuran, potongan, penahanan, sekatan atau syarat dalam apa bentuk sekalipun.

22. Jaminan, aku janji dan perjanjian di sini di antara Pemegang Akaun dan Bank akan terus menjadi sah dan terikat untuk semua tujuan walaupun perubahan oleh penyetuan, konsolidasi atau sebaliknya yang mana boleh dibuat di dalam perlembagaan mana-mana Pemegang Bank atau Bank.

23. Bank boleh menyerah hak kesemua atau sebahagian hak, faedah atau kewajipan di bawah ini dan Bank berhak untuk mendedahkan kepada bakal pemegang serah hak atau individu lain yang bercadang untuk menandatangani aturan kontrak dengan Bank yang behubungan dengannya maklumat tentang mana-mana Pemegang Akaun sehubungan dengan terma Kemudahan CBG yang boleh ditentukan oleh Bank pada budi bicaranya untuk tujuan aturan kontrak tersebut dan kenyataan dalam perkara itu tentang jumlah yang perlu dibayar kepada Bank akan menjadi muktamad dan mengikat untuk semua tujuan terhadap mana-mana Pemegang Akaun.

24. Pemegang Akaun tidak berhak untuk menyerahkan atau membuat pemindahan hak di bawah ini dan akan terus bertanggungjawab sepenuhnya untuk semua akaun, perjanjian, kewajipan, liabiliti dan tanggungjawab dan untuk pematuhan wajar dan tepat masa dan pelaksanaannya.

25. Kemudahan CBG akan tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan dan diubah dari semasa ke semasa oleh pihak Bank mengikut budi bicaranya dan setiap Pemegang Akaun dengan ini bersetuju untuk menerima, mematuhi dan terikat dengan syarat dan terma tersebut.

26.1 Tertakluk kepada arahan nyata Pemegang Akaun (jika ada) menyekat pendedahan, Pemegang Akaun bersetuju secara mutlak dengan dan membenarkan Bank dan pegawai-pegawainya untuk mendedahkan keadaan kewangan Pemegang Akaun ini, butiran akaun itu, hubungan akaun dengan Bank, segi Kemudahan CBG dan sekuriti yang diberikan kepada Bank bagi kelas berkaitan orang:-

(i) data pemproses Bank atau pembekal perkhidmatan, kedua-dua di dalam dan di luar Malaysia, yang terlibat untuk menjalankan fungsi dan aktiviti-aktiviti Bank;

(ii) syarikat-syarikat yang berkaitan dengan Bank menurut Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 atau mana-mana syarikat bersekutu Bank (Bank bersama-sama dengan yang tersebut di atas yang berkaitan / syarikat yang berkaitan secara kolektif dirujuk sebagai "Kumpulan OCBC") pemegang serah hak dan pengganti hakmilik;

(iii) badan-badan kawal selia, agensi-agensi kerajaan, pihak polis, badan-badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, kedua-dua di dalam dan di luar Malaysia;

(iv) bank-bank lain atau institusi kewangan termasuk Cagamas Berhad dan Credit Guarantee Corporation (Malaysia) Berhad, syarikat insurans gadai janji dan mana-mana penanggung insurans semula (dalam atau di luar Malaysia);

(v) biro kredit, agensi pelaporan kredit, 'Central Credit Reference Information System', 'Dishonoured Cheques Information System', dan syarikat-syarikat yang ditubuhkan untuk tujuan mengumpul dan menyediakan maklumat kredit

(vi) pihak-pihak keselamatan dan pihak ketiga yang berhasrat untuk menyelesaikan hutang Pemegang Akaun;

(vii) ejen pemungut hutang, peguam, penaja dan syarikat-syarikat penama;

(viii) ejen-ejen yang diberi kuasa dan pengganti dalam hakmilik Pemegang Akaun;

(ix) pemegang serah hak Bank atau pemeroleh, pemegang serah hak berpotensi atau pemeroleh dan pengganti hak milik dan

(x) orang-orang atau badan-badan seperti yang mana Bank dikehendaki secara undang-undang yang untuk membuat pendedahan

26.2 Pemegang Akaun memberi kebenaran tak boleh batal, dan telah memperoleh kebenaran tak boleh batal daripada Consenting Parties (seperti yang didefinisikan di bawah) untuk pihak Bank membuat rujukan kredit Pemegang Akaun, penjamin-penjamin, pihak yang menyediakan sekuriti ("pemberi sekuriti") (jika ada) dan seterusnya pengarah-pengarah, pegawai-pegawai berkenaan, pengurus, pegawai-pegawai dan pemegang-pemegang saham sama ada kepunyaan Pemegang Akaun atau pihak yang disebut di atas (jika mana-mana pihak yang disebut di atas adalah syarikat) dan rakan kongsi lain (jika mana-mana pihak yang disebut di atas adalah perkongsian) (dirujuk secara kolektif sebagai "Consenting Parties") dan mengesahkan maklumat diberikan kepada pihak Bank dengan mana-mana pihak (termasuk, tanpa batasan, mana-mana agensi atau entiti yang mengumpul dan memberi maklumat kredit atau maklumat lain).

26.3 Pemegang Akaun memberi kebenaran tak boleh batal, dan telah memperoleh kebenaran tak boleh batal daripada Consenting Parties, untuk agensi laporan kredit yang berkenaan (seperti yang didefinisikan di bawah Credit Reporting Agencies Act 2010) ("CRAs") di mana Bank menjalankan pemeriksaan kredit terhadap Consenting Parties, untuk mendedahkan laporan kredit atau maklumat kredit Consenting Parties kepada Bank untuk tujuan melanggan atau permohonan produk dan perkhidmatan Bank dan untuk penyemakan dan pengurusan risiko Bank. Bank dengan ini diberi kuasa tetapi tidak berkewajipan, untuk menyampaikan kebenaran Consenting Parties untuk pendedahan tersebut dan tujuan pendedahan kepada agensi laporan kredit yang berkaitan.

26.4 Pemegang Akaun memberikan kebenaran tak boleh batal, dan telah memperoleh kebenaran tak boleh batal daripada Consenting Parties, kepada Bank Negara Malaysia untuk mendedahkan maklumat kredit Consenting Parties berhubung dengan Kemudahan-kemudahan CBG kepada institusi kewangan lain, agensi pelaporan kredit dan orang lain seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 47(2) Central Bank of Malaysia Act 2009 ("CBA") dan untuk institusi kewangan lain, agensi pelaporan kredit dan orang lain yang difikirkan sesuai atau dianggap perlu oleh Bank Negara Malaysia untuk mengesahkan dan menggunakan maklumat kredit tersebut untuk tujuan yang ditetapkan dalam Seksyen 47(2) CBA dan untuk tujuan lain yang difikirkan sesuai oleh Bank Negara Malaysia, yang mungkin termasuk tetapi tidak terhad kepada, menilai kelayakan kredit pelanggan sedia ada dan bakal pelanggan, menyediakan perkhidmatan laporan kredit atau penilaian kredit, menyediakan penyelesaian elektronik Kenali-Pelanggan-Anda (e-KYC) dan menyediakan perkhidmatan nasihat kewangan. Pemegang Akaun diberi kuasa oleh pengarah dan pemegang saham, rakan kongsi lain (mengikut mana-mana yang berkenaan) dan pemberi sekuriti (jika ada) untuk memberikan persetujuan ini bagi pihak mereka bagi membolehkan Bank memproses permohonan ini untuk kemudahan dan untuk pendedahan dan tujuan seperti yang dinyatakan di atas.

26.5 Selain kebenaran Consenting Parties yang Pemegang Akaun sahkan telah diperolehi di dalam klausa lain terma dan syarat ini, Pemegang Akaun telah mendapatkan kebenaran daripada Consenting Parties yang merupakan individu, (i) untuk mendedahkan data peribadi mereka kepada pihak Bank; (ii) untuk pengesahan Bank ke atas data peribadi mereka dengan sumber-sumber pihak ketiga seperti Bank Negara Malaysia, agensi laporan kredit, Suruhanjaya Syarikat atau Jabatan Insolvensi dan untuk CRAs mendedahkan laporan/maklumat kredit kepada Bank untuk tujuan memohon Kemudahan CBG dan bagi penyemakan dan pengurusan risiko pihak Bank; (iii) untuk Bank mendedahkan data peribadi mereka ke kelas pihak ketiga yang dinyatakan dalam Dasar Privasi Bank. Pemegang Akaun telah memaklumkan mereka untuk membaca Dasar Privasi Bank dipaparkan di laman web Bank dan terdapat di cawangan-cawangan Bank atas permintaan.

26.6 Pemegang Akaun, jika seseorang individu, mengesahkan (i) bahawa dia telah sediakan secara sukarela data peribadinya kepada Bank dan kebenaran kepada Bank untuk memproses data peribadi untuk menilai permohonan itu, dan (ii) dia telah membaca Dasar Privasi Bank yang diposkan di laman web Bank dan mengesahkan bahawa dia telah dimaklumkan mengenai perkara-perkara berikut melalui Dasar Privasi: -

(i) bahawa pihak Bank boleh mengutip data peribadi beliau secara langsung daripada beliau atau dari sumber pihak ketiga;

(ii) tujuan data peribadi beliau dikumpul;

(iii) hak beliau untuk mengesahkan data peribadi beliau dan membetulkan data peribadi beliau;

(iv) pihak ketiga yang kepadanya Bank boleh mendedahkan data peribadi beliau;

(v) pilihan dan cara-cara untuk menghadkan pemrosesan data peribadi beliau;

(vi) sama ada data peribadi yang diminta adalah wajib atau sukarela, dan jika wajib, akibat kerana tidak menyediakan data tersebut;

(vii) untuk mengemaskini data peribadi beliau dengan segera jika terdapat perubahan; dan

(viii) maklumat perhubungan Bank jika beliau ingin membuat pertanyaan atau memberi maklum balas.

26.7 Jika permohonan ini berjaya, pihak Bank boleh memproses data peribadi Pemegang Akaun seperti yang diperlukan bagi hubungan bank-pelanggan.

Jika permohonan Pemegang Akaun tidak berjaya, pihak Bank boleh mengekalkan data peribadi Pemegang Akaun untuk mengendalikan pertanyaan, audit atau prosiding undang-undang.

27. Pemegang Akaun menyatakan dan memberi jaminan kepada Bank bahawa:-

(i) transaksi perdagangan, eksport, pemungghaan atau pemindahan barangan (termasuk teknologi) dan dokumen berkaitan (seperti surat kredit, bil dokumen perkapalan/pengangkutan, bil muatan atau lain-lain dokumen hakmilik barangan) yang dibiayai, didiskaun, dibeli, dipungut oleh dan/atau disahkan kepada/oleh Bank tidak melanggar Akta Perdagangan Strategik 2010, yang dipinda atau ditambah dari masa ke masa dan peruntukan/perintah yang dikeluarkan di bawahnya ("STA"); dan

(ii) semua permit, lesen, pendaftaran dan kelulusan yang diperlukan di bawah STA untuk transaksi perdagangan, eksport, pemungghaan dan pemindahan barangan (termasuk teknologi) Pemohon dan dokumen berkaitan telah atau akan diperolehi dan adalah dalam kuasa dan kesan penuh dan mestilah diserahkan kepada Bank atas permintaan.

Perwakilan dan jaminan di atas akan dianggap akan terulang setiap kali kemudahan-kemudahan yang diberikan oleh Bank digunakan dan ia adalah benar dan betul dan dipatuhi sepenuhnya pada setiap masa dengan merujuk kepada keadaan yang sedia ada.

28. Kemudahan CBG dan terma dan syarat di dalam ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan sesuai dengan undang-undang Malaysia. Pemegang Akaun bersetuju untuk patuh kepada bidang kuasa bukan eksklusif Mahkamah Malaysia dan Sabah & Sarawak. Pihak Bank boleh memulakan prosiding di mahkamah negara lain jika diperlukan.

29. Pemegang Akaun memberikan kebenaran tak boleh batal kepada pihak Bank untuk mendedahkan maklumat berkenaan Consenting Parties atau berkaitan dengan Kemudahan CBG kepada mana-mana pihak, badan kerajaan atau kawal selia atau pihak berkuasa (seperti badan-badan kawal selia, agensi-agensi kerajaan, pihak berkuasa cukai, pihak polis, badan-badan penguatkuasaan undang-undang dan mahkamah, kedua-dua di dalam dan di luar Malaysia, termasuk selaras dengan Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing Amerika Syarikat), atau mana-mana biro atau syarikat yang menyediakan rujukan kredit sama ada ditubuhkan atau diluluskan oleh Bank Negara Malaysia atau tidak, syarikat yang berkaitan dengan Bank mengikut Seksyen 7 Akta Syarikat 2016 atau sebarang syarikat bersekutu Bank (dirujuk secara kolektif sebagai "Kumpulan OCBC"), penyedia barangan atau perkhidmatan kepada mana-mana pelanggan atau ahli Kumpulan OCBC, ejen dan pengganti hakmiliknya pada bila-bila masa dan tanpa notis awal atau liabiliti sehingga ke tahap dan tujuan seumpamanya yang dianggap wajar atau perlu mengikut budi bicara Bank.

30. Pemegang Akaun mengakui bahawa di bawah Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA), bank-bank tidak boleh membenarkan kemudahan mereka dan produk perbankan yang akan digunakan sebagai saluran untuk pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan. Pemegang Akaun menjamin Bank untuk menjalankan jagan kerana mengesahkan identiti sebenar pelanggan Pemegang Akaun dan sumber-sumber dana yang dikehendaki di bawah AMLATFPUAA dan tidak memudahkan hasil daripada aktiviti haram disalurkan melalui Kemudahan CBG Pemegang Akaun itu dengan Bank. Pemegang Akaun bersetuju untuk memberitahu Bank dengan segera, jika, semasa berurusan dengan pelanggan Pemegang Akaun itu, suspek Pemegang Akaun dana mereka daripada aktiviti-aktiviti menyalahi undang-undang. Pemegang Akaun mengesahkan bahawa permohonan untuk Kemudahan CBG tidak digunakan sebagai saluran pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dan sumber Pemegang Akaun ini dana datang daripada sumber yang sah dan tidak melanggar AMLATFPUAA atau undang-undang serupa yang mempunyai kuasa terhadap sumber dana Pemegang Akaun atau mana-mana undang-undang cukai yang Pemegang Akaun perlu patuhi.

31. Pemegang Akaun bersetuju untuk mematuhi syarat-syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia di bawah peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan apa-apa syarat lain yang ditetapkan oleh Bank termasuk apa-apa perubahan, pindaan dan tambahan yang dibuat kepadanya oleh Bank Negara Malaysia dan / atau pihak Bank dari masa ke masa.

32. Bagi tujuan memfailkan Penyata Butiran bagi Caj di bawah Akta Syarikat 2016, Tarikh Berkesan penciptaan "Charge" sepatutnya (i) tarikh kelulusan Bank bagi Kemudahan CBG atau (ii) tarikh penempatan deposit di dalam akaun (iii) tarikh persetujuan pemegang debentur diperolehi (termasuk apabila persetujuan itu dianggap telah diberi), mana yang kemudian. Jika kemudahan lain (termasuk baru, tambahan atau pembaharuan Kemudahan CBG) adalah akhir yang diberikan kepada Pemohon (s) yang dijamin oleh Baki Kredit, di sini "Charge" akan terus sebagai cagaran bagi kemudahan-kemudahan lain.

33. Pemegang Akaun akan membayar kepada Bank apabila diminta jumlah wang yang sama dengan apa-apa cukai barang, jualan dan perkhidmatan, cukai penggunaan, cukai nilai tambah atau apa-apa cukai yang serupa yang perlu dibayar, atau untuk apa-apa jumlah wang yang perlu dijelaskan kepada pihak bank.

34. Pelanggan akan membekalkan kepada Bank seperti borang, dokumentasi, dan maklumat lain berkaitan dengan statusnya menurut Seksyen 1471 melalui Kanun 1474 AS Hasil Dalam Negeri tahun 1986 sebagaimana yang dipinda ("Kod"), sebarang peraturan-peraturan sekarang atau yang akan datang atau tafsiran rasmi daripadanya, sebarang perjanjian yang dibuat menurut seksyen pada Kod tersebut, mana-mana perundangan fiskal atau peraturan, undang-undang atau amalan yang diterima pakai menurut apa-apa perjanjian antara kerajaan dibuat berkaitan dengan pelaksanaan seksyen pada Kod tersebut ("Undang-undang dan Peraturan-peraturan yang Terpakai") sebagai Bank munasabah meminta dari semasa ke semasa untuk memastikan pematuhan dengan Undang-undang dan Peraturan-peraturan yang Terpakai.